

07/11/2001

China, Jepun, Korea sokong tubuh EAEG (HL)

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa - Ketua-ketua kerajaan Asean dan tiga rakan dialognya iaitu China, Jepun dan Korea hari ini menyatakan sokongan terhadap cadangan Malaysia bagi mewujudkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang diilhamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kira-kira 11 tahun lalu.

Sokongan itu dinyatakan pada Sidang Kemuncak Asean Campur 1 (Asean+1) secara berasingan dengan Perdana Menteri China, Zhu Rongji; Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dan Persiden Korea, Kim Dae-Jung, di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Selain itu, ketua-ketua kerajaan Asean+3 juga menerima cadangan bagi menubuhkan Sekerariat Asean+3 dan Kuala Lumpur menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah sekretariat berkenaan.

Bercakap kepada pemberita di sini petang ini, Dr Mahathir berkata pemimpin ketiga-tiga rakan dialog Asean itu menunjukkan minat serius untuk bekerjasama dengan Asean.

Katanya, penubuhan EAEG mendapat sokongan kuat hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Kumpulan Pakar Wawasan Asia Timur (EAVG).

Sambil menyifatkan pertemuan itu berjalan dalam suasana mesra Perdana Menteri berkata, rangka kerja bagi menjadikan EAEG entiti rasmi akan dibuat dengan penyediaan rangka kerjanya.

"Ketiga-tiga negara (China, Jepun dan Korea) menyatakan minat serius untuk bekerjasama dengan Asean. Presiden Kim terutamanya mahu supaya Asean+3 dijadikan EAEG, malah beliau mencadangkan supaya diadakan sidang kemuncak Asia Timur iaitu Asean+3," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Istana Darul Takwa di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

EAEG diilhamkan oleh Dr Mahathir pada 1990 dan pada mulanya mendapat bantahan Amerika Syarikat kerana bimbang ia akan menajdi satu blok ekonomi.

Berikutan itu, ia ditukar kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan kini ia dinamakan semula EAEG.

Sebagai sebuah entiti, EAEG akan menjadi platform kerjasama di kalangan negara Asia Timur meliputi pelbagai aspek.

Ditanya kemungkinan pembentukan EAEG akan terus dibantah oleh Amerika, Dr Mahathir berkata pentadbiran negara itu sudah bertukar daripada Presiden Bill Clinton kepada Presiden George W Bush sekarang.

Sehubungan itu, katanya, jika ada pun bantahan sekarang ia tidak akan sekeras seperti sebelum ini.

"Sebab bantahan dulu, Jepun dan Korea tidak begitu berminat, tetapi sekarang Korea sendiri mahukan ia dilaksana. Korea menyebut secara khusus dengan menyatakan bahawa Eropah sudah mempunyai EC (Masyarakat Eropah) dan Amerika ada Nafta (Perjanjian Pedagangan Bebas Amerika Utara), maka kita di rantau ini wajar mempunyai organisasi sendiri," katanya.

(END)